

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 FEBRUARI 2017 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Skop, kumpulan sasar program MSI diperluas	Utusan Malaysia
2.	MOSTI tambah baik mekanisme pembiayaan dana	BERNAMA
3.	MOSTI will improve its funding mechanism	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 31
TARIKH : 11 MAC 2017 (SABTU)

Skop, kumpulan sasar program MSI diperluas

MELAKA 10 Mac - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperluaskan skop dan kumpulan sasar program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) bagi memastikan ia dapat dimanfaatkan ke semua peringkat termasuk ke akar umbi.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, tindakan itu bagi memastikan tiada pihak tercicir untuk menikmati faedah teknologi yang dihasilkan menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan.

Menurutnya, perkara tersebut termasuk pelaksanaan peluang dalam bidang pertanian dan industri organik penanaman pisang dan herba organik di empat lokasi

melibatkan warga penjara, peserta e-kasih dan masyarakat setempat.

"Sebanyak 1,000 benih pisang akan dibekalkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) di setiap lokasi projek hasil penyelidikan kultur tisu. Projek ini dibangunkan oleh Neo Pragmatik Sdn. Bhd.

"Untuk penanaman tersebut, ia akan menggunakan sepenuhnya bio-baja berjenama Bacto-10 yang merupakan hasil penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan dikomersialkan oleh Phytogold Sdn. Bhd.," katanya.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Projek MSI bagi program kesedaran peluang industri organik melalui penanaman pokok secara organik untuk kelestarian tanaman di Penjara Dusun Dato Murad, Ayer Keroh di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan Komisioner Penjara (Timbalan Pengarah Pengurusan Banduan, Vokasional dan Industri) Datuk Mohd. Sakeri Dollah dan Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Datuk Norhalim Yunos.

Dalam masa sama, Abu Bakar memberitahu, menerusi projek tersebut, pihak kementerian menyalurkan kira-kira RM270,000 untuk program penanaman itu di empat lokasi iaitu di Penjara Dusun Dato Murad, Pusat Koreksional Jasin, Klinik Cure and Care 1Malaysia Pulau Sebang dan Kampung Ulu Seraja, Parit Melaka, Alor Gajah yang melibatkan keluasan tanah empat hektar.

Katanya, MTDC memainkan peranan dalam mengenal pasti teknologi atau produk daripada syarikat penerima dana yang mampu memberi impak kepada komuniti dari segi meningkatkan taraf hidup serta memenuhi keperluan sosial melalui program MSI.



MOSTI Tambah Baik Mekanisme Pembiayaan Dana

MELAKA, 10 Mac (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** akan melaksanakan penambahbaikan mekanisme pembiayaan dana kementerian itu bagi memastikan keberhasilan optimum menerusi projek yang dilaksanakan.

Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata penambahbaikan yang dijangka diumumkan pada hujung bulan ini turut bertujuan memastikan lebih banyak projek dapat dikomersialkan menjelang tahun 2020.

"Mungkin ada penjenamaan semula geran di bawah MOSTI bagi menambah kecekapan dalam usaha pembangunan projek penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan yang disalurkan.

"Penambahbaikan ini dilakukan setelah kita melihat dan mengambil kira pelbagai aspek terhadap keberkesanan hasil pembiayaan dana yang kita berikan kepada pemohon atau penyelidik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penyerahan Projek Inovasi Sosial MOSTI (MSI) di sini, hari ini.

Pada majlis tersebut beliau menyerahkan baja organik hasil pembangunan dan penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) bagi penanaman pokok secara organik di Penjara Dusun Dato Murad di sini.

Turut hadir Timbalan Komisioner Penjara (Timbalan Pengarah Pengurusan Banduan, Vokasional dan Industri) Datuk Mohd Sakeri Dollah dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) Datuk Norhalim Yunus.

Abu Bakar berkata penyelidik di negara ini disaran memberi tumpuan khusus pada industri pengeluaran makanan organik kerana ia dilihat mempunyai pasaran tersendiri dan permintaan yang meningkat saban tahun.

"Kita lihat industri makanan organik ini semakin berkembang namun tidak ramai pengusaha menjalankan aktiviti pertanian secara organik dan kita juga kurang penyelidik dalam industri ini," katanya.

Beliau berkata MOSTI telah menyalurkan kira-kira RM270,000 bagi program penanaman organik pisang dan herba yang dilaksanakan di empat lokasi negeri ini iaitu Penjara Dusun Dato Murad, Pusat Koreksional Jasin, Klinik Cure and Care 1Malaysia Pulau Sebang dan Kampung Ulu Seraja Parit Melaka, Alor Gajah.

Sementara itu, Norhalim berkata sebanyak 1,000 benih pisang dibekalkan di setiap lokasi projek hasil penyelidikan kultur tisu daripada USM yang telah dibangunkan Neo Pragmatik Sdn Bhd dan akan menggunakan bio baja berjenama Bacto-10 sepenuhnya untuk proses penanaman.

Beliau berkata baja tersebut merupakan hasil penyelidikan UPM dan dikomersialkan oleh Phytogold Sdn Bhd.

"MTDC memainkan peranan dalam mengenal pasti teknologi atau produk daripada syarikat penerima dana yang mampu memberi impak kepada komuniti dari segi meningkatkan taraf hidup serta memenuhi keperluan sosial melalui Program Inovasi Sosial seumpama ini," katanya.

-- BERNAMA



MOSTI Will Improve Its Funding Mechanism

MELAKA, March 10 (Bernama) -- The **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** will make improvement on its funding mechanism to ensure optimum results from its projects.

Its Deputy Minister, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, said the improvement plan was expected to be announced at the end of this month with the aim to ensure more projects can be commercialised by 2020.

"There may be rebranding of grants under the MOSTI to enhance effectiveness of the distribution in the development of research, innovation and commercialisation.

"This improvement plan is made after taking into consideration of various aspects on the effectiveness of the funding that we provide to the applicants or researchers," he said this to reporters after the handing over of MOSTI Social Innovation Project here today.

During the ceremony, he presented organic fertiliser, which is a research and development product by Universiti Putra Malaysia (UPM) and Universiti Sains Malaysia, for the organic tree planting project at Dusun Dato Murad Prison here.

Also present were Deputy Commissioner-General of Prisons (Deputy Managing Director of Prisoners, Vocational and Industrial) Datuk Mohd Sakeri Dollah and Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Chief Executive Officer Datuk Norhalim Yunus.

-- BERNAMA